

Received: 01 November 2021; Accepted: 26 November 2021; Published: 30 December 2021
DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2021-0602-04>

KEPELBAGAIAN MEDIUM PENYAMPAIAN DAKWAH ABDUL HADI AWANG SEMASA PANDEMIK

Abdul Hadi Awang Dakwah Delivery Approaches in the Pandemic

Syamimi Amira Shamsul Baharin¹ & Najah Nadiah Amran*²

¹Program Sarjana Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

²Pusat Kajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

najah@ukm.edu.my (Corresponding author)

Abstrak

Pandemik COVID 19 yang melanda seluruh dunia telah menjejaskan pelbagai sektor dan bidang termasuk bidang dakwah. Ketika pandemik COVID 19 berlaku, hampir semua aktiviti terpaksa dihentikan termasuk dakwah secara bersemuka. Dakwah adalah tanggungjawab setiap muslim mukallaf dan merupakan sebahagian daripada Islam. Ianya perlu dilakukan mengikut kesesuaian keadaan, sasaran dakwah, pendekatan dakwah dan sebagainya. Oleh sebab itu, walaupun berlakunya pandemik COVID-19, dakwah masih perlu dilakukan. Namun, pendekatan yang sesuai perlu digunakan untuk menyesuaikan dengan keadaan pandemik yang berlaku. Kertas kerja ini membincangkan transformasi dakwah ketika pandemik COVID-19 salah seorang tokoh ulama, pemimpin dan pendakwah yang terkemuka iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Kajian dilakukan berbentuk analisis dokumen dan pemerhatian bagi mengumpul data utama dan kaedah analisis data dilakukan secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan berlaku transformasi pada pendekatan dakwah beliau kerana dakwah secara atas talian di media sosial telah digunakan secara menyeluruh oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang di era pandemik COVID-19. Beliau menggunakan pendekatan dakwah melalui internet iaitu dengan menggunakan media sosial sebagai medium utamanya dalam melaksanakan dakwah tanpa sempadan. Media sosial yang digunakan khususnya adalah di aplikasi YouTube, Facebook, Instagram, Telegram dan Twitter.

Kata Kunci: Medium Penyampaian Dakwah, Abdul Hadi Awang, Pandemik

Abstract

The COVID 19 pandemic that has hit the world has affected various sectors and fields including the field of da'wah. When the COVID 19 pandemic occurred, almost all activities had to be stopped including da'wah face-to-face. Da'wah is the responsibility of every Muslim mukallaf and is part of Islam. It should be done according to the circumstances, the target of da'wah, the approach of da'wah and so on. Therefore, despite the covid-19 pandemic, da'wah still needs to be done. However, the appropriate approach needs to be used to adjust to the prevailing pandemic conditions. This paper work discusses the transformation of da'wah one of the leading scholars, leaders and preachers, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang during the COVID 19 pandemic. The study was conducted in the form of document analysis and observation to collect the main data and the data analysis method was done descriptively. The results showed a transformation in his da'wah method and approach because online da'wah on social media was used thoroughly by Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang in the era of covid-19 pandemic. He used the dakwah approach through the internet by using social media as his main medium. The social media used in particular is on YouTube, Facebook, Instagram, Telegram and Twitter applications.

Keywords: Dakwah Delivery Approaches, Abdul Hadi Awang, Pandemic

PENDAHULUAN

Tahun 2020 merupakan tahun mencabar buat seluruh masyarakat di dunia disebabkan oleh serangan virus yang dikenali sebagai coronavirus atau COVID-19 yang boleh mengancam nyawa manusia. Era pandemik COVID 19 telah memberi kesan kepada pelbagai aspek dalam kehidupan termasuklah hal ehwal dalam kegiatan dakwah secara bersemuka kerana masyarakat tidak sewenangnyanya dibenarkan keluar rumah. Selain itu institusi dakwah seperti masjid ditutup demi menjaga keselamatan dan kesihatan masyarakat. Masyarakat tidak dibenarkan untuk menghadiri ceramah atau kuliah yang melibatkan jemaah berkumpul dalam bilangan yang ramai (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Oleh sebab itu, dakwah dalam talian semakin mendapat perhatian. Umum ketahui bahawa Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang telah berdakwah dengan pelbagai cara termasuk berdakwah dalam talian. Abdul Hadi menjadikan media sosial sebagai medium berdakwah secara meluas seiring dengan perkembangan teknologi, malah pelaksanaan dakwah beliau semakin rancak ketika krisis pandemik COVID 19. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji transformasi dakwah Abdul Hadi dalam talian disebabkan statistik penggunaan internet semakin meningkat. Faktor pandemik membataskan aktiviti luar menyebabkan berlakunya peningkatan kepada bilangan pengguna internet dan pendakwah pada masakini tidak melepaskan peluang tersebut untuk menyampaikan mesej Islam (Ridwan 2019) menggunakan kemudahan teknologi tersebut. Pemerhatian dalam talian terhadap aktiviti dakwah Abdul Hadi telah dijalankan selama 4 bulan iaitu bermula dari bulan Mac 2020 sehingga bulan Ogos 2020.

Metodologi Kajian

Kajian ini membincangkan mengenai pendekatan dakwah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang di era pandemik COVID 19 dan rangka masa yang ditetapkan bagi kajian ini adalah bermula daripada bulan Mac sehingga bulan Ogos 2020.

Pemerhatian dan pengumpulan data dilakukan dalam tempoh rangka masa tersebut. Data dikumpul dengan kaedah rujukan dan pemerhatian yang dilakukan pada media sosial milik Abdul Hadi iaitu pada akaun *youtube di saluran (Abdul Hadi Awang)*, *telegram yang dinamakan saluran (Abdul Hadi Awang)*, *twitter (@abdulhadiawang)*, *facebook (Abdul Hadi Awang)* dan *Instagram (@abdulhadi_awang)*. Pengkaji mendapatkan juga data dan maklumat melalui rujukan perpustakaan daripada pelbagai sumber seperti, buku, artikel, jurnal, surat khabar dan internet. Setelah itu, analisis dokumen dan data yang dikumpul dilakukan bagi mendapatkan hasil kajian iaitu berkenaan dengan pendekatan dakwah Abdul Hadi di era pandemik COVID 19.

Pendekatan Berdakwah Dalam Talian

Internet adalah salah satu kaedah yang efisien untuk memperoleh maklumat dengan mudah, cepat, dan murah (Sharifah Nora 2018). Ia juga boleh diakses di mana-mana tanpa sempadan masa dan tempat selagi pengguna mendapat capaian rangkaian internet. Oleh itu internet memberikan pengaruh besar dalam aktiviti manusia, termasuk dalam kegiatan dakwah Islam (Yoga 2015). Pendakwah tidak ketinggalan dalam memanfaatkan kemajuan teknologi maklumat ini dan menjadikan internet satu pendekatan dakwah Islam terutamanya semasa pandemik COVID 19 (Ridwan 2019). Memanfaatkan internet dan kemajuan teknologi kini dalam berdakwah memudahkan pendakwah untuk menyebarkan Islam terutamanya dalam keadaan pandemik COVID 19 serta berkomunikasi dengan masyarakat dari seluruh pelusuk dunia (Zulfikar tt). Penggunaan internet semaksimum mungkin dalam berdakwah memberi beberapa kepentingan. Antaranya adalah kandungan yang dicari boleh dicapai dengan cepat dan mudah serta boleh diakses tanpa sempadan (Burhanuddin Jalal 2021)

Berdakwah dalam talian melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi seperti internet dan media sosial. Terdapat pelbagai fungsi media yang dapat menyampaikan mesej atau maklumat dengan lebih menarik, kreatif dan interaktif serta lebih mesra pengguna (Faradillah 2015). Sejak tahun 2004, media sosial seperti facebook, MySpace dan blog menjadi platform utama untuk berinteraksi dan membina jaringan (Liu 2008). Penggunaan pelbagai medium teknologi komunikasi juga bertujuan dalam menyelesaikan masalah, membuka ruang baharu dalam berkongsi kreativiti dan mempertingkatkan kecekapan (Yedi et al. 2017). Antara medium lain yang turut digunakan adalah seperti twitter, YouTube dan instagram yang kini menjadi sebahagian medium untuk berdakwah (Faradillah 2015; Sharifah Nora 2018). Bilangan pengguna internet juga semakin meningkat seiring dengan perkembangan teknologi ini. Menurut kaji selidik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, sebanyak 88.7% pengguna internet sehingga tahun 2020. Peningkatan pengguna internet itu adalah sebanyak 1.3% daripada tahun 2018. Oleh itu, berdakwah dalam talian adalah sangat relevan untuk dilaksanakan pada masa kini dan mampu memberi manfaat pada seluruh masyarakat.

Selain itu, internet dan teknologi maklumat membolehkan manusia berkongsi maklumat tanpa halangan bahkan mempengaruhi orang lain dengan mesej yang disampaikan dan ini termasuklah dalam menyampaikan tentang hal agama Islam (Najidah 2013; Radhiah tt). Komunikasi Islam (Dakwah) telah menggunakan kelebihan dan kepantasan teknologi untuk sebaran maklumat agama tanpa sempadan dengan mudah dan pantas (Syed Muhammad Dawilah & Mohd Lutfi 2009; Zulkefli & S. Salahudin 2012) serta meliputi semua peringkat masyarakat sama ada daripada sudut budaya sosial, ekonomi, pendidikan dan sebagainya (Hamiruddin 2020). Menurut Azizan (2014), kemudahan media sosial kini serta peningkatan bilangan pengunjung di media sosial menjadikan media sosial sebagai medium penting dalam melaksanakan dakwah secara atas talian dan ini sekali gus menjadikan pendekatan dakwah di internet sebagai pendekatan utama.

Antara pendakwah yang menggunakan pendekatan dakwah melalui internet ialah Yusuf al-Qaradawi. Cara beliau berdakwah dapat dilihat melalui kemunculan beliau setiap minggu dalam program satelit TV al-Jazeera al-Syariah wa al-Hayah. Beliau juga merupakan penaung kepada laman web Islamonline.net yang berpusat di Qatar dan telah melibatkan diri dalam dakwah secara maya seawal tahun 90-an lagi. Laman web beliau iaitu Qaradawi.net memberikan input dan mesej berkenaan Islam kepada masyarakat (Graf 2017) dan ianya telah dilaksanakan pada tahun 1997. Strategi beliau dalam berdakwah secara maya ini membantu dalam menyebarkan Islam ke seluruh pelusuk dunia.

Zaharuddin Abdul Rahman juga antara pendakwah yang menggunakan media massa dalam menyampaikan dakwah. Laman web beliau iaitu (www.zaharuddin.net) menerima kunjungan lebih 3.1 juta dalam tempoh kurang tiga tahun (Zulkiple 2014). Sehingga kini, blog tersebut masih aktif dan menyediakan pelbagai perkongsian ilmu Islam untuk dimanfaatkan oleh masyarakat. Masyarakat tertarik dengan kandungan laman web beliau yang pelbagai khususnya berkaitan kewangan dan ekonomi Islam. Kazim Elias juga menggunakan pendekatan dakwah secara maya. Beliau sering muncul dalam rancangan berunsur agama dan kuliah di saluran televisyen dan radio. Platform media massa tersebut memberi peluang untuk beliau menyebarkan dakwah Islam secara meluas dan berjaya membawa mesej dakwah beliau ke serata negara (Najibb Aroff, 2018). Tuntasya, pendakwah perlu menguasai ilmu kemahiran teknologi kini dan penggunaan internet agar dapat memanfaatkan kemudahan tersebut dalam menyampaikan dakwah Islam secara pantas dan tanpa sempadan.

Kepelbagaian Pendekatan Dakwah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang Dalam Talian

Kuliah tafsir menjadi platform untuk Abdul Hadi berdakwah sejeurus kembali dari luar negara pada tahun 1976 (Mustaffa 2009). Kelas pengajian tafsir itu merupakan cara Abdul Hadi dalam berdakwah. Ilmu dalam pentafsiran ayat al-Quran yang dipelajari oleh beliau, dikongsikan dan disampaikan kepada masyarakat agar masyarakat tahu dan dapat memahami kandungan ayat al-Quran sekaligus, menjadikan al-Quran itu sebagai panduan hidup. Kepetahannya berpidato telah memukau hadirin dan jemaah yang mendengar kuliah beliau, disertai dengan kupasan isu yang diselaraskan dengan ilmu Islam yang tersemat kukuh di dada beliau (Riduan Mohamad Nor 2009).

Selain kuliah tafsir, Abdul Hadi turut menghadiri jemputan ceramah dan kuliah di tempat-tempat lain juga. Beliau tidak tertumpu di Masjid Rusila sahaja. Beliau telah memberi kuliah atau ceramah agama secara bersemuka di merata tempat termasuk di luar Malaysia. Pada kandungan-kandungan dakwah dan ceramah beliau pula, dapat dilihat bahawa Abdul Hadi banyak memberi penekanan berkenaan jemaah dan perpaduan ummah untuk kesatuan umat Islam. Selain itu, isu-isu terkini dan semasa juga turut menjadi kandungan dakwahnya dan ini menunjukkan beliau cakna dengan perkembangan semasa. Segala ilmu yang dipelajarinya, digunakan sebaiknya untuk dikongsi dan disebar kepada masyarakat agar Islam terus berkembang ke seluruh dunia.

Beliau turut berdakwah melalui penulisan dengan menghasilkan pelbagai bahan bacaan berkaitan Islam dan antaranya adalah penghasilan kitab tafsir beliau, Tafsir at-Tibyan. Beliau telah mula melibatkan diri dalam penulisan seawal tahun 90-an lagi. Karya beliau diterbit oleh pelbagai terbitan dan mempunyai lebih daripada 100 karya tidak termasuk yang belum diterbit (Mohd Fadli 2018).


Abdul Hadi juga antara pendakwah yang tidak ketinggalan dalam menggunakan perkembangan teknologi untuk menyampaikan dakwah Islam. Beliau sendiri pernah membuat kenyataan di media sosial beliau bahawa perlunya untuk wujudkan jentera penerangan dakwah yang sistematik diiringi dengan pengetahuan berkaitan perkembangan teknologi maklumat serta pendekatan berhikmah agar maklumat dan mesej dakwah itu boleh sampai kepada sasarannya (Facebook Abdul Hadi 2020).

Abdul Hadi mempunyai akaun sendiri bagi setiap aplikasi dalam media sosial tersebut dan banyak

berkongsi video-video ceramah atau kuliah berkaitan Islam serta tafsiran ayat al-Quran daripada beliau sendiri. Cara ini telah digunakan oleh Abdul Hadi sebelum pandemik COVID 19 lagi, namun ketika pandemik ini berlaku transformasi pada pendekatan dakwah beliau kerana pendekatan ini digunakan sepenuhnya oleh Abdul Hadi dengan sebaik mungkin agar dakwah Islam akan terus berjalan dan membantu beliau dalam melakukan dakwah tanpa sempadan.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, beliau telah menggunakan media sosial sebagai platform dakwah beliau dalam berdakwah secara atas talian. Beliau menggunakan aplikasi seperti *you tube*, *facebook*, *twitter*, *instagram* dan *telegram* dalam menyampaikan dakwah Islam. Berikut merupakan antara medium dakwah Abdul Hadi di media sosial:

1. *You Tube*




Saluran You Tube Abdul Hadi mempunyai seramai 38.6 ribu pelanggan (subscribers). Beliau telah mula mempunyai akaun ini pada tahun 2017 dan jumlah tontonan video-video yang dimuat naik dalam saluran beliau sehingga kajian ini telah mencecah 2 juta tontonan. Sejak beliau mempunyai akaun ini, pengkaji dapati beliau memuat naik video sekurang-kurangnya satu video sehari. Beliau menyiarkan video durasi yang pelbagai serta kandungan yang pelbagai.



Akaun Facebook Abdul Hadi sehingga kajian ini dilaksanakan mempunyai seramai 725,621 pengikut. Beliau telah mula mempunyai akaun ini pada tahun 2011 dan bilangan pengguna yang menyukai akaun beliau juga telah mencecah 600 ribu. Beliau aktif dalam mengemas kini akaun ini dan beliau sering memuat naik maklumat berkaitan isu semasa dan pengajian Islam. Selain itu, beliau juga sering berkongsi tazkirah dan perkembangan kehidupan beliau khusus pada gerak kerja beliau dalam politik dan dakwah.



Twitter Abdul Hadi sehingga kajian ini dilaksanakan mempunyai seramai 193500 ribu pengikut. Beliau telah mula mempunyai akaun ini pada tahun 2009. Pada akaun ini, beliau memuat naik maklumat dan perkongsian ilmu berkaitan Islam, politik dan perpaduan dan sebagainya. Kandungan yang dikongsi kebiasaannya adalah sama dengan kandungan pada facebook cuma, Abdul Hadi menggunakan akaun yang pelbagai dalam menyiarkannya agar penyampaian beliau itu sampai pada golongan masyarakat yang pelbagai. Pengkaji dapati beliau memuat naik 'posting' sekurang-kurangnya sekali dalam dua hari. Dalam seminggu, beliau memuat naik sekurang-kurangnya empat atau lima 'posting'.



Akaun Instagram Abdul Hadi sehingga kajian ini dilaksanakan mempunyai 426,000 ribu pengikut. Beliau telah mula mempunyai akaun ini pada tahun 2017. Pengkaji mendapati, beliau kerap melakukan 'post' dan telah mempunyai lebih daripada 1000 'posts'. Pada akaun ini, beliau turut memuat naik maklumat dan perkongsian ilmu berkaitan Islam pada topik yang pelbagai. Dalam seminggu, beliau memuat naik sekurang-kurangnya empat atau lima 'posting'.

Secara ringkasnya pada akaun sosial media, Abdul Hadi menyiarkan kandungan yang hampir sama pada setiap aplikasi. Beliau memuat naik pada hari dan waktu yang sama namun berlainan aplikasi. Cara ini adalah supaya mesej atau dakwah yang ingin disampaikan dapat disebarkan pada golongan masyarakat yang pelbagai dan menyeluruh.

Pendekatan dakwah Abdul Hadi dalam talian adalah dengan menggunakan internet sebagai pendekatan utamanya dan media sosial menjadi medium dakwahnya. Kajian ini dilakukan berdasarkan pemerhatian dan analisis data bermula daripada Mac 2020 sehingga Ogos 2020 sahaja. Pada pemerhatian dan analisis data yang dilakukan, terdapat beberapa aktiviti dakwah yang dilakukan oleh Abdul Hadi pada era pandemik COVID 19 secara atas talian. Antara aktiviti dakwah yang dilakukan oleh Abdul Hadi adalah Kuliah Agama melalui Facebook dan YouTube, Penyampaian Infografik Tarbiyah & Tazkirah, Usrah Online, dan E-book.

2. Kuliah Agama melalui Facebook dan YouTube

Pelaksanaan kuliah agama oleh Abdul Hadi melibatkan Kuliah Tafsir, Kuliah Dhuha dan Kuliah Jumaat. Kuliah ini telah dilakukan oleh Abdul Hadi sebelum pandemik COVID 19 lagi, namun pada era pandemik ini, aktiviti kuliah agama dan tafsir ini dilakukan secara keseluruhannya menggunakan media sosial seperti facebook dan youtube. Hal ini kerana, sebelum pandemik berlaku kuliah ini dapat dihadiri secara fizikal namun, di era pandemik ianya hanya dapat diakses secara atas talian.

Pada era pandemik COVID 19 ini, kuliah tafsir dan kuliah-kuliah beliau yang lain dimuatnaik di media sosial sama seperti yang pernah dilakukan oleh beliau sebelum ini. Namun, di era pandemik ini kuliah tersebut dikenali sebagai kuliah khas secara atas talian yang dilakukan oleh Abdul Hadi untuk terus berkongsi ilmu dengan masyarakat. Selain itu, melalui kaedah pemerhatian yang dilakukan, pengkaji mendapati di era pandemik ini, video kuliah yang dimuatnaik oleh Abdul Hadi di facebook dan youtube adalah lebih menarik dan kreatif kerana video tersebut adalah video khas secara atas talian untuk masyarakat terus mengikuti kuliah dan ceramah agama beliau. Video kuliah yang dimuatnaik di media sosial mempunyai perkembangan suntingan yang baik. Video yang dihasilkan semakin hari semakin baik, menarik dan mempunyai kualiti rakaman yang bagus.

Pelbagai isu dan topik yang dibincangkan dan dijelaskan oleh Abdul Hadi dalam kuliah beliau. Antara topik yang dibawa oleh Abdul Hadi dalam kuliah beliau adalah punca luaran perpecahan firqah dalam Islam, akidah Islam dan tafsiran surah al-Baqarah. Setiap topik yang dibincangkan, Abdul Hadi akan cuba menghubungkannya dengan isu semasa agar masyarakat cakna akan masyarakat sekeliling mereka dan dapat lebih memahami kandungan mesej dakwah beliau.

Maklumat berkenaan kuliah agama Abdul Hadi diperoleh melalui pemerhatian dan pengumpulan data video kuliah beliau di media sosialnya. Video kuliah Abdul Hadi tersebut kemudiannya dianalisis dan data yang dikumpulkan dinyatakan dalam jadual. Berdasarkan pemerhatian dan analisis yang dilakukan, sesi kuliah Abdul Hadi secara atas talian kebanyakannya telah ditonton oleh lebih daripada 1000 tontonan. Video kuliah agama beliau iaitu kuliah jumaat berdurasi tidak lebih daripada 50 minit. Dalam video tersebut, terdapat kuliah yang diberi pembahagian topik agar mudah masyarakat faham kandungan kuliah tersebut. Aktiviti dakwah sebegini membantu masyarakat untuk terus mengikuti kuliah agama dan berkongsi ilmu bersama. Maka, mesej Islam itu akan berterusan tersebar hingga ke seluruh dunia walaupun dalam keadaan pandemik. Berikut merupakan jadual kuliah Abdul Hadi yang beliau laksanakan di era pandemik dalam rangka masa pertengahan bulan Mac sehingga hujung bulan Ogos:

Bil	Tarikh	Aktiviti	Tajuk
1	20/3/2020	Kuliah Dhuha Secara Atas Talian di platform facebook dan youtube Abdul Hadi	Mazhab akidah dan firqah umat Islam
2	27/3/2020	Kuliah Jumaat Secara Atas Talian	sambungan kitab mazhab akidah dan firqah umat islam, kemudian baca kitab fiqh harakah dari sirah nabi yang menceritakan kisah Khalid al-Walid dan Amru al-As yang memeluk islam selepas Perjanjian Hudaibiah.
3	3/4/2020	Kuliah Jumaat (Kuliah Khas Secara Atas Talian melalui platform facebook Abdul Hadi)	punca luaran yang membawa kepada perpecahan firqah di kalangan umat Islam.
4	10/4/2020	Kuliah Jumaat (Kuliah Khas Secara Atas Talian)	Sambungan kepada tajuk perpecahan firqah dalam kalangan umat Islam, kisah Najashi
5	17/4/2020	Kuliah Jumaat Khas Secara Atas Talian	peristiwa di zaman khalaf (zaman Abbasiyah), golongan mazhab jabariyah dan maturidiyyah
6	24/4/2020	Kuliah Jumaat Secara Atas Talian	sambungan pada tajuk punca luaran perpecahan firqah di dalam Islam
7	1/5/2020	Kuliah Jumaat Secara Atas Talian	punca luaran perpecahan firqah di dalam Islam (sambungan pengajian lepas); pengajian kitab fiqh harakah dari sirah nabawiah (didikan

			Rasulullah dalam hubungan dengan orang bukan Islam yang menunjukkan Islam mendahulukan pendamaian daripada peperangan dan tidak memaksa supaya menerima Islam.
8	8/5/2020	Kuliah Jumaat Secara Atas Talian	kesimpulan pelajaran tentang punca perpecahan firqah di dalam Islam, sambung pengajian kitab Fiqh Harakah dari Sirah Nabawiah: (peperangan ghabah atau peperangan Qird yang disebabkan oleh Bani Fazzarah yang merampas unta betina kepunyaan Rasulullah, membunuh seorang lelaki kabilah Ghaffar dan menawan seorang perempuan)
9	15/5/2020	Kuliah Jumaat (Kuliah Khas Secara Atas Talian)	3 mazhab besar dalam masalah akidah: mazhab salaf, mazhab ash-shai'rah dan mazhab maturidiyyah, kisah peperangan Khaibar
10	22/5/2020	Kuliah Jumaat Secara Atas Talian yang terakhir bagi bulan Ramadhan tersebut di platform youtube dan facebook Abdul Hadi	Mazhab Asya'irah, Maturidiah dan Wahabiyah dalam Perpecahan Mazhab Akidah
11	29/5/2020	Kuliah Jumaat Secara Atas Talian	mazhab syiah dalam perpecahan mazhab akidah, sambung pengajian fiqh harakah dari sirah nabawiah (peristiwa perang Khaibar)
12	5/6/2020	Kuliah Jumaat Secara Atas Talian	sambung topik mazhab Syiah dalam perpecahan akidah, fiqh harakah (pertempuran terhadap Yahudi Khaibar), pengajian tafsir (ayat 226 dan 227 surah al-Baqarah: orang yang bersumpah tidak mencampuri isteri)
13	12/6/2020	Kuliah Jumaat (Kuliah Khas Secara Atas Talian)	pengajian berkaitan dengan mazhab Syiah dalam perpecahan mazhab akidah), fiqh harakah dari sirah nabawiah (perundingan dengan orang yahudi khaibar yang menyaksikan kemenangan di khaibar, perkahwinan nabi dengan ummul mukminin Safiah, peristiwa nabi diracun oleh seorang perempuan yahudi, pengajian tafsir-ayat 228 surah al-baqarah (hukum talak. kuliah penuh boleh lihat di fb Abdul Hadi atau di youtube Abdul Hadi.
14	19/6/2020	Kuliah Jumaat (Kuliah Khas Secara Atas Talian)	Sambung perbincangan berkenaan mazhab-mazhab akidah (mazhab Syiah),
15	26/6/2020	Kuliah Jumaat secara atas talian	Pengajian berkenaan mazhab Syiah, hukum perkahwinan dalam bab rujuk cerai dan wali dalam surah al-Baqarah ayat 131 dan 132
16	3/7/2020	Kuliah Jumaat secara atas talian	kategori mazhab Syiah yang melampaui batas dan terkeluar daripada Islam seperti golongan ghulatus syiah
17	10/7/2020	Kuliah Jumaat secara atas talian	kitab fiqh harakah dari sirah nabawiyah membincangkan tentang gerakan sebelum peperangan Mu'tah
18	17/7/2020	Kuliah Jumaat	bincang berkenaan mazhab Syiah yang melampau iaitu al-Hashimiah dan al-Bayaniyyah
19	24/7/2020	Kuliah Jumaat (Kuliah	Mukhtasor mazhab aqidah dan firqah umat Islam

		Khas Secara Atas Talian)	(pecahan mazhab Syiah: syiah ar-ruzamiah)
20	7/8/2020	Kuliah Jumaat	pengajian tafsir surah al-Baqarah ayat 238 dan 239 -hukum berkaitan solat
21	14/8/2020	Kuliah Jumaat (Kuliah Khas Secara atas Talian)	Mukhtasor mazhab aqidah dan firqah umat Islam (mazhab Khawarij)
22	21/8/2020	Kuliah Jumaat (Kuliah Khas Secara Atas Talian)	Mukhtasor mazhab aqidah dan firqah umat Islam (sambung perbincangan mazhab Khawarij: mazhab yang keluar daripada Ahli Sunnah wal Jamaah)
23	27/8/2020	Kuliah Hijratul Rasul	Peristiwa awal Muharram: peristiwa hijrah
24	28/8/2020	Kuliah Jumaat (Kuliah Khas Secara Atas Talian)	Mukhtasor mazhab aqidah dan firqah umat Islam (penyelewengan dalam mazhab: mazhab yazidiyyah (cabang mazhab Khawarij)

Jadual Kuliah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang Ketika Pandemik iaitu daripada Tempoh Masa 18 Mac 2020 sehingga 31 Ogos 2020

3. Penyampaian Infografik Tarbiyah & Tazkirah

Penggunaan media sosial seperti Telegram, Twitter dan Instagram telah digunakan sebaiknya oleh Abdul Hadi dalam berdakwah. Beliau berkongsi informasi dan tazkirah ringkas dalam bentuk gambar atau infografik dalam media sosial tersebut. Cara dan pendekatan beliau ini mudah untuk menarik minat masyarakat khususnya golongan muda dalam menerima dakwah Islam kerana golongan muda adalah golongan yang sering aktif dalam penggunaan media sosial.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, bahan tarbiyah dan informasi yang dikongsi oleh Abdul Hadi dalam media sosial berbentuk ringkas, santai dan mudah untuk difahami. Pengkaji mendapati, Abdul Hadi akan memuat naik bahan dan maklumat dakwah sekurang-kurangnya tiga kali dalam sehari. Antara tazkirah dan mesej dakwah yang disampaikan adalah berkaitan kelebihan bulan Ramadhan, kepentingan perpaduan umat Islam dan isu semasa berkaitan COVID 19. Ketekunan Abdul Hadi dalam mengaktifkan ruangan media sosialnya dalam menyampaikan mesej Islam perlu dicontohi kerana ianya bukti bahawa Abdul Hadi tidak jemu dalam berdakwah (Marziana 2018). Pelbagai informasi dan juga bahan tarbiyah yang melibatkan pelbagai negara Islam dan bidang, menjadi kandungan utama dalam dakwah beliau ini.

Melalui data yang dikumpul dan dianalisis di media sosial Abdul Hadi, kebanyakan bahan tarbiyah dan tazkirah yang dimuatnaik itu adalah antara intipati daripada kuliah beliau. Kaedah infografik yang menarik dengan warna yang bersesuaian menjadikan bahan tazkirah itu menarik untuk dibaca. Abdul Hadi sering memberikan kata-kata atau pesanan ringkas dalam infografik tersebut namun ianya mempunyai mesej yang kuat berkaitan Islam. Antaranya adalah berkenaan Islam dan perpaduan, kelebihan bulan ramadhan serta Islam membina insan integriti.

4. Usrah Online

Antara aktiviti dakwah lain di media sosial yang dilakukan oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang adalah Usrah Online. Usrah Online bukanlah aktiviti yang dilakukan setiap hari, namun Abdul Hadi menggunakan kaedah ini dalam usaha untuk mendekati diri dengan masyarakat khususnya anak-anak muda dan berkongsi ilmu dengan mereka. Usrah Online yang diberi nama 'Usrah Online bersama Ayah Chik' ini telah dilakukan sejak awal era pandemik COVID 19 di Malaysia lagi iaitu pada pertengahan bulan Mac. Berikut merupakan jadual berkenaan usrah online ini.

Bil	Tarikh	Masa	Topik Usrah	Bilangan Tontonan di Platform Youtube
1	24/3/2020	9 malam	Memperingati Peristiwa Isra Mikraj (Siri 1)	5143
2	31/3/2020	9 malam	Sabar Menghadapi Ujian Wabak &	6617

			Syarah Tafsir Surah al-Baqarah ayat 153 hingga 157 (Siri ke 2)	
3	7/4/2020	9 malam	Maqasid al-Syariah dalam Menangani Wabak COVID 19 (Siri ke 3)	4230
4	14/4/2020	9 malam	Cabaran Semasa Politik Dunia Islam (Siri ke 4)	4995
5	21/4/2020	9 malam	Ramadhan al-Mubarak: Kedatangan yang dinantikan (Siri ke 5)	2851
6	28/4/2020	10 malam	Penurunan al-Quran Petunjuk Sepanjang Zaman (Siri ke 6)	1376
7	5/5/2020	10 malam	Melatih Sabar dengan Berpuasa (Siri ke 7)	1703
8	12/5/2020	10 malam	Lailatul Qadr: Anugerah buat Umat Islam (Siri ke 8)	1062
9	19/5/2020	10 malam	Nakbah Palestin: Episod Duka Umat Islam (Siri ke 9)	1172
10	20/5/2020	10 malam	Pembukaan Kota Mekah (Siri ke 10)	1042
11	25/7/2020	Selepas isyak	Usrah Online bersama dengan pelajar yang sedang menuntut ilmu di luar negara	Tidak dinyatakan

Jadual: Usrah Online Bersama Ayah Chik

Melihat pada jadual tersebut, usrah ini telah dilakukan sebanyak 11 kali dan mempunyai sepuluh siri secara umum dan satu kali bersama dengan pelajar yang sedang menuntut ilmu di luar negara di era pandemik dalam rangka masa yang diambil pada kajian ini iaitu bermula daripada awal tempoh pandemik iaitu 18 Mac 2020 sehingga bulan Ogos sahaja. Usrah ini dilakukan dua kali pada bulan Mac, empat kali pada bulan April, empat kali pada bulan Mei dan satu kali pada bulan Julai. Usrah ini mendapat sambutan ramai dalam kalangan masyarakat dan ianya juga boleh ditonton secara ulangan di you tube Abdul Hadi bagi sesiapa yang tidak dapat mengikuti usrah ini secara langsung di facebooknya. Bilangan tontonan di facebook adalah lebih ramai dan kebanyakannya melebihi 20,000 tontonan. Selain itu, video usrah online tersebut juga dikongsi oleh orang ramai di facebook secara meluas dan sekaligus membantu dalam menyebarkan ilmu dan dakwah yang disampaikan oleh Abdul Hadi.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, Abdul Hadi mengadakan usrah ini secara umum untuk berkongsi ilmu dengan masyarakat. Beliau menggunakan platform media sosial beliau iaitu facebook dan youtube untuk melakukan pendekatan dakwah internet ini. Beliau juga akan sentiasa mengemaskini dan memuatnaik maklumat berkenaan usrah online ini di media sosial yang lain seperti twitter dan instagram agar masyarakat cakna dan tahu akan aktiviti yang dilakukan ini. Pelbagai topik yang dibincangkan dalam usrah tersebut dan ianya berkaitan dengan isu semasa. Antaranya adalah isu Palestin, Lailatul Qadar, penurunan al-Quran dan maqasid al-Syariah dalam menangani wabak COVID 19. Hasil kajian mendapati, Abdul Hadi akan mengadakan usrah online ini pada waktu malam, iaitu selepas waktu solat Isyak dan usrah dijalankan dengan santai agar mudah untuk masyarakat memahami kandungan usrah tersebut. Melakukan Usrah Online di media sosial menunjukkan bahawa Abdul Hadi memanfaatkan sebaiknya kemudahan teknologi seperti media sosial dalam meneruskan gerak kerja dakwah disamping berkongsi ilmu dengan masyarakat, dan peluang ini juga digunakan untuk berhubung dengan masyarakat.

5. E-book

Penghasilan e-book ketika pandemik COVID 19, merupakan satu pendekatan dakwah secara atas talian yang digunakan oleh Abdul Hadi juga kerana kaedah ini juga mampu disampaikan merentasi sempadan. E-book mudah disimpan, dibaca dan tidak memerlukan kos penerbitan dan percetakan yang tinggi. Ketika COVID 19 melanda dunia ini, kesukaran untuk keluar rumah dan bebas melakukan aktiviti di luar menjadikan e-book satu platform penulisan dakwah yang bagus untuk dikongsi bersama masyarakat. Maklumat dan data berkenaan e-book Abdul Hadi diperoleh melalui media sosial beliau dan data tersebut dikumpulkan kemudian dianalisis untuk melihat kekerapan Abdul Hadi menghasilkan e-book dan untuk melihat tajuk yang dibincangkan dalam e-book tersebut. Data yang diperoleh juga dapat melihat topik dakwah yang menjadi pilihan Abdul Hadi. Berikut merupakan jadual berkaitan penghasilan e-book oleh Abdul Hadi:

Bil	Tarikh	Tajuk
1	22/3/2020	Isra Mi'raj: Kisah Perjalanan Agung
2	7/4/ 2020	COVID-19: Perspektif Maqasid Al-Syariah
3	21/4/2020	Ramadhan al-Mubarak: Kedatangan yang Dinantikan
4	28/4/ 2020	Ibrah Peristiwa Agung di Bulan Ramadhan
5	6/5/2020	Inspirasi Nuzul al-Quran: Panduan Kehidupan Sepanjang Zaman
6	13/5/2020	Ramadhan: Kekasih Yang Bakal Berlabuh Pergi
7	15/5/2020	Nakbah Palestin: Episod Duka Umat Islam
8	30/7/2020	Aidiladha: Perpaduan dan Pengorbanan

Jadual: e-book yang dihasilkan Abdul Hadi ketika pandemik COVID 19 (18 Mac -31 Ogos 2020)

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak lapan buah e-book yang telah dihasilkan oleh Abdul Hadi dalam tempoh masa kajian ini iaitu daripada pertengahan bulan Mac sehingga hujung bulan Ogos tahun 2020 dan ianya diterbitkan oleh Pustaka Permata Ummah. Harga bagi e-book tersebut juga sangat berpatutan dan mampu milik. Terdapat juga e-book yang diberi secara percuma sahaja sebagai bahan bacaan masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa Abdul Hadi menggunakan pendekatan internet di media sosial ini bukan untuk mengaut keuntungan namun ianya adalah untuk menyampaikan dakwah Islam dan berkongsi ilmu Islam dengan masyarakat.

Selain itu, cara penyampaian dalam e-book Abdul Hadi juga adalah ringkas dan mudah untuk difahami. Pelbagai topik menarik yang dibawa dalam e-book tersebut dan topiknya adalah berkaitan dengan isu semasa dan bulan Islam. Antaranya adalah berkaitan ramadhan dan nuzul al-Quran. Kepelbagaian topik dan isu bagi e-book tersebut memberi peluang kepada masyarakat untuk memperoleh ilmu pengetahuan yang pelbagai berkaitan dengan Islam dan ianya sekaligus menunjukkan bahawa Abdul Hadi seorang ulama yang berilmu dalam pelbagai bidang. E-book yang dihasilkan membantu dalam menjalankan aktiviti dakwah Islam kerana masyarakat boleh mendapatkan e-book tersebut dengan mudah apabila adanya kemajuan teknologi kini khususnya penggunaan internet. Kaedah perlaksanaan e-book ini adalah sama dengan bedakwah melalui penulisan yang dilakukan oleh Abdul Hadi namun di era pandemik ini berdakwah secara atas talian iaitu dengan menghasilkan e-book adalah satu pendekatan dakwah yang lebih sesuai.

Pendekatan melalui internet dengan menghasilkan e-book untuk bacaan masyarakat adalah antara usaha dakwah yang dilakukan oleh Abdul Hadi untuk memastikan dakwah Islam itu terus tersebar dan tidak terhenti di era pandemik ini. Harga yang berpatutan membantu masyarakat untuk memiliki e-book tersebut dan mendapat manfaat daripada topik e-book tersebut.

KESIMPULAN

Kajian ini telah membincangkan berkenaan pendekatan dakwah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang di era pandemik COVID 19 melalui internet. Kajian dapati pendekatan dakwah melalui internet adalah pendekatan utama beliau di era pandemik dan beliau menggunakan media sosial sebagai medium dakwahnya. Terdapat empat contoh aktiviti dakwah secara atas talian yang dilakukan oleh Abdul Hadi di platform media sosial seperti YouTube, Facebook, Instagram, Telegram dan Twitter. Antara aktiviti dakwah tersebut adalah Kuliah Agama melalui Facebook dan YouTube, Penyampaian Inforgrafik Tarbiah dan Tazkirah, Usrah Online, dan E-book. Kemudahan teknologi maklumat kini, ditambah dengan bilangan pengikut yang ramai di media sosial telah digunakan sebaiknya oleh Abdul Hadi dalam menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat khususnya di era pandemik COVID 19 yang melanda seluruh negara. Pendekatan dakwah beliau ini membantu dalam menyebarkan dakwah Islam secara meluas dan tanpa sempadan serta mendidik sesebuah masyarakat agar menjadi masyarakat berilmu, beramal dengan ilmu dan menyebarkan ilmu. Walaupun umur Abdul Hadi semakin meningkat melepasi enam dekad, namun kesungguhan dan tekad beliau dalam berdakwah sangat mengagumkan dan perlu dicontohi oleh setiap muslim. Kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada pendakwah lain dalam mengaplikasikannya dan boleh dijadikan rujukan serta inspirasi daripada ketokohan dan sumbangan Abdul Hadi dalam dakwah dan ilmu Islam.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

- Abdul Hadi Awang. @abdulhadi_awang. [instagram.com/abdulhadi_awang](https://www.instagram.com/abdulhadi_awang).
- Abdul Hadi Awang. @abdulhadiawang. <https://twitter.com/abdulhadiawang?lang=en>
- Abdul Hadi Awang. 2013. *Tafsir Surah al-Kahfi*. Aisyah Humaira Publications. Kuala Lumpur.
- Abdul Hadi Awang. 2014. Ucapan Dasar Presiden PAS; Muktamat PAS kali ke 59.
- Abdul Hadi Awang. <https://www.facebook.com/abdulhadiawang/>
- Abdul Hadi Awang. <https://www.youtube.com/c/AbdulHadiAwangOfficial>.
- Abdul Hadi Awang. Telegram Channel
- Ana Urfiyanti. 2015. Konsep dakwah 'Aid al-Qarni dalam pembinaan pemuda Islam. Tesis sarjana Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Azizan Had. 2014. Dakwah Melalui Internet di Malaysia: Masalah dan Cabaran. Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik: Perspektif Multi Disiplin. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Bayanuni Abu al-Fath. 2010. *Madkhal ila 'Ilmi Da'wah*. Lebanon: Dar Risalah Alamiyah.
- Al-Butty Muhammad Said Ramadan 1997. *Rahsia Dakwah Yang Berkesan*. Terj: Mohd Sofwan Amirullah & Mhd Royhan Hasbullah. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Burhanuddin Jalal. 2021. Dakwah Secara Digital Perlu Diperhebat. Bernama.com (Tinta Minda). <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1984341>. [Diakses 16/9/2021].
- Ali Jarisyah. 1986. *Manahij at-Da'wah wa Asalibuh*, Mesir: Dar al-Wafa'
- Faradillah. t.t. Penerimaan Media Sosial sebagai Medium Dakwah dalam kalangan Mahasiswa KUIS. Jabatan Komunikasi, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia
- Ghalwash Ahmad. 1987. *al-Da'wah Islamiyah Usuliha wa Wasailuha*. Kaherah: Dar Kitab al-Misra.
- Al-Habib 'Omar. 2015. *Akhlak Kami*. Terj: Sekumpulan Asatizah Tempatan (Singapura). Singapura: Hands Learning and Development Services.
- Haziyah Hussin. 2014. *Al-Manhaj al-Haraki fi Tafsir al-Syaykh Sa'id Hawwa Dirasah Tahliliyyah*. Unpublished PhD. Thesis. International Islamic University Malaysia.
- Haziyah Hussin. 2017. *Sumbangan Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang dalam Peradaban Tafsir di Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Islam dan Tokoh.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. www.moh.gov.my
- Marziana bt Othman@Osman. 2018. Sumbangan Pemikiran Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang Terhadap Pembangunan Politik Kontemporari Di Malaysia. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian. Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohamad Abu Bakar Abdul Rahman. 2010. Metodologi Dakwah Rasulullah S.A.W. Di Peringkat Permulaan Di Mekah: Aplikasinya Di Singapura. Universiti Malaya. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam.
- Mohd Azlim Zainury. 2015. Abdul Hadi khatam tafsir al-Quran kali kedua. <http://Www.Sinarharian.Com.My/Edisi/Terengganu/Abdul-Hadi-Khatam-Tafsir-Al-Quran-Kali-Kedua-1.521067>. 15 Februari 2021.
- Mohd Fadli Ghani. 2018. *Koleksi Karya Tuan Guru Abdul Hadi*. harakahdaily.net. November. <https://harakahdaily.net/index.php/2018/11/01/koleksi-karya-tuan-guru-abdul-hadi/>
- Mustaffa Abdullah. 2009. *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Book Pro Publishing Services. Pahang
- Najib Aroff. 2018. Tak keluar TV dan radio tak apa, ini cara baharu saya berdakwah... - Kazim Elias. astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tak-keluar-tv-dan-radio-tak-apa-ini-cara-baharu-saya-berdakwah-kazim-elias-193713>. 25 April 2021.
- Najidah Zakariya, and Abu Dardaa Mohamad. 2013. Media sebagai wasilah dakwah. *Al-Hikmah*, 5: 92-99.
- Nuur Farhana. 2016. Sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang Kepada Penubuhan dan Perkembangan Maahad Darul Quran. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Radhiah Ruzi. tt. Cabaran Era Ledakan Teknologi Komunikasi Maklumat. https://www.academia.edu/28996174/CABARAN_ERA_LEDAKAN_TEKNOLOGI_KOMUNIKASI_MAKLUMAT
- Riduan Mohamad Nor. 2009. *Abdul Hadi Awang: Murabbi, Ideologi, Pemimpin*. Selangor: Jundi Resources.
- Riduan Mohamad Nor. 2020. Pemilihan Tuan Guru sebagai Duta Khas Amat Tepat. Harakah Daily. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/04/03/pemilihan-tuan-guru-sebagai-duta-khas-amat-tepat/>. 10 Ogos 2020.

- Rohaily@Abd Rahman Abd Hamid & Nor Raudah Hj Siren. 2018. Manhaj Dakwah Nabi Ibrahim a.s Menurut al-Quran dan Aplikasinya dalam Dakwah Masa Kini. *Jurnal Usuluddin*. 46(1): 23-44.
- Sharifah Nora Othman. 2018. Dakwah Alam Siber Rentas Sempadan. Kertas Penyelidikan 2018. ilkap.gov.my
- Syed Abdurahman Hj Syed Husin. 1998. Manhaj: Pengertian dan Kepentingannya kepada Dakwah. *Jurnal Usuluddin*. 7: 129-146.
- Syed Muhammad Dawilah al-Idrus & Mohd Lufti Solehan. 2009. Peranan ICT dalam Penyebaran Dakwah dalam Era Globalisasi. Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiah di IPT dan Komuniti. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Binti Che Husain 2008. Pendekatan individu dalam pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin*. 27: 141-156.
- Tuan Ibrahim Tuan Man (Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat), dalam temu bual 28 Jun 2013
- Yedi Purwanto, Muhamad Taufik & Asep Wawan Jatnika. 2017. Peran Teknologi Informasi dalam Perkembangan Dakwah Mahasiswa. *Jurnal Sositologi*. 16(1): 94-109.
- Zahid bin Mat Dui. 2017. Karakteristik Tafsir Kontemporari di Malaysia (Studi Tafsir al-Tibyan Karya Tuan Guru Haji Hadi Awang). Skripsi Sarjana Fakultas Ushuluddin. Raden Intan Lampung: Universitas Agama Islam Negeri.
- Zulkefli Aini & Salahudin Suyurno. 2012. *Asas Komunikasi Dakwah*. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).